



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

KERTAS KERJA

**Pengindahan dan Rekabentuk Landskap
Sungai Galing Kecil, Kuantan, Pahang.**

TARIKH :

15 Februari 2015-15 Februari 2016

TEMPAT :

Sungai Galing Kecil, Kuantan, Pahang

ANJURAN :

Fakulti Rekabentuk dan Senibina & UCTC, UPM

DENGAN KERJASAMA :

**JKKK Kg. Selamat, Kg. Tanjung Api, Kg. Kubang Buaya dan Kg. Galing
Kecil**

**Majlis Perbandaran Kuantan
Jabatan Pengairan dan Saliran, Pahang
Malaysia Nature Society, Pahang**

CONTOH INI SEBAGAI PANDUAN SAHAJA:

URUSETIA DANA UCTC UPM

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dikemukakan untuk mendapatkan pertimbangan dan sumbangan kewangan daripada Dana *University Community Transformation Centre* (UCTC) bagi menjalankan program berikut:

1.1 Program Pengindahan dan Rekabentuk Landskap Sungai Galing Kecil, Kuantan, Pahang

2.0 PENGENALAN

Nyatakan masalah/gap. Kenapa projek ini perlu dilaksanakan. Kalau projek ini tidak dilaksanakan apa akan jadi?

Sungai merupakan suatu aset sumber alam yang perlu dijaga dan dipelihara. Suatu ketika dulu, Malaysia mempunyai banyak sungai yang bersih yang menjadi tempat tinggal habitat flora dan fauna. Namun, kini kebanyakan sungai di Malaysia menjadi semakin tercemar dan kurang dikunjungi oleh penduduk setempat. Masalah seperti pencemaran air sungai dan kepupusan habitat sepanjang sungai merupakan isu utama yang dihadapi oleh sungai-sungai di Malaysia disamping masalah lain seperti kebersihan akibat pembangunan yang tidak terkawal di sepanjang sungai tersebut.

Sungai Galing Kecil di Kuantan merupakan salah satu daripada beribu anak sungai di Malaysia yang menghadapi masalah seperti yang dinyatakan di atas. Kadar pencemaran dan kebersihan di sepanjang sungai ini sangat membimbangkan. Malahan anak Sungai Galing Kecil kini tidak lagi diendahkan serta dikunjungi oleh penduduk setempat. Namun begitu, anak sungai ini agak bernasib baik kerana terdapat kumpulan pencinta alam yang ingin menaiktaraf kualiti keindahan di sepanjang sungai ini. Keperihatinan mereka dan dibantu oleh masyarakat setempat merupakan suatu usaha yang murni dalam memelihara dan memulihara sungai yang suatu ketika dahulu menjadi asset penting dalam kehidupan masyarakat.

Bagi menyokong keprihatinan masyarakat setempat dan kumpulan pencinta alam ini, Fakulti Rekabentuk dan Senibina bekerjasama dengan kumpulan Malaysia River Lovers, Malaysia Nature Society (Pahang) beserta komuniti penduduk setempat seperti JKKK Kampung Selamat, Kampung Tanjung Api, Kampung Kubang Buaya dan Kampung Galing Kecil ingin melaksanakan program pengindahan dan rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil ini. Kerjasama ini juga akan dibantu oleh agensi kerajaan yang

terlibat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (Pahang), Majlis Perbandaran Kuantan dan Jabatan Alam Sekitar (Pahang).

Adalah diharapkan melalui program seumpama ini, kesedaran terhadap kepentingan menjaga sumber alam sungai ini dapat diterapkan kepada komuniti masyarakat setempat. Disamping itu, program ini juga boleh membantu komuniti setempat dalam mengindahkan ruang landskap di sepanjang sungai ini. Program ini dijangka mampu memperbaiki kualiti hidup komuniti setempat melalui pemeliharaan sungai secara mampan.

3.0 OBJEKTIF

Objektif mesti jelas...Objektif berbentuk kesedaran tidak disyorkan. Impak atau Objektif berbentuk Aplikasi seperti (menjana, mengubahsuai, menyelesaikan DLL) amat digalakkan.

- 3.1 Mengadakan program 'local communities participation' dan lawatan tapak bersama komuniti setempat bagi penyediaan cadangan rekabentuk landskap pengindahan Sungai Galing Kecil;
- 3.2 Menyediakan cadangan rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil bagi tujuan pengindahan dan menaiktaraf kualiti air anak sungai ini;
- 3.3 Menjalankan program pengindahan dan pembersihan bersama komuniti setempat di sepanjang Sungai Galing Kecil melalui aktiviti seperti gotong-royong, kempen kesedaran kepentingan sungai dan kempen penanaman pokok; dan
- 3.4 Menjalankan 'klinik penyelenggaraan tanaman landskap hiasan dan kebun komuniti' dengan komuniti setempat bagi memastikan penyelenggaraan pokok disepanjang sungai terjaga dan dalam keadaan baik.

Bilangan penerima manfaat

4.0 IMPAK

- 4.1 Nyatakan impak projek terhadap komuniti dari segi:

Jadual di bawah menyenaraikan impak program.

Cadangan Program	Hasil / Outcome Program	Impak Program
Program 'local communities participation' dan lawatan tapak	Input dan maklumbalas serta keperluan komuniti setempat dalam cadangan pengindahan dan	'Sense of ownership' dapat diterapkan kepada 500 orang dalam kalangan komuniti setempat

	rekabentuk landskap Sungai Galing Kecil	
Penyediaan cadangan rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil, Kuantan	Pelan Induk Landskap Sungai Galing Kecil, Kuantan	'Blueprint' Sungai Galing Kecil, Kuantan yang akan menjadi sumber rujukan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan sungai ini dalam tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun mendatang
Kekerapan dan tempoh menerima manfaat		
Potensi skala untuk meningkatkan penerima manfaat		Blueprint ini boleh digunakan untuk sungai/lokasi lain di dalam negara
Program pengindahan dan pembersihan Sungai Galing Kecil, Kuantan	<ul style="list-style-type: none"> • Laluan atau akses ke kawasan landskap di sepanjang sungai • Kemudahan riadah dan rekreasi sepanjang sungai • Aktiviti komuniti setempat seperti kebun komuniti, kebun buah komuniti dan sebagainya • Peningkatan kualiti air Sungai Galing Kecil 	<ul style="list-style-type: none"> • Menanamkan semangat cinta pada alam sekitar dan menerapkan kesedaran terhadap kepentingan penjagaan sungai sebagai salah satu asset sumber alam negara yang mampu meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat • Meningkatkan hubungan sosial komuniti setempat • Pemeliharaan Sungai Galing Kecil
Keutamaan kepada komuniti		
Klinik penyelenggaraan tanaman Sungai Galing Kecil	<ul style="list-style-type: none"> • Praktikal penanaman tanaman sayuran dan herba • Praktikal penyelenggaraan tanaman kebun komuniti 	Komuniti mampu menjaga dan menyelenggara kebun komuniti dan tanaman mereka sendiri tanpa perlu bergantung kepada pihak berkuasa tempatan dan 'sense of ownership' juga dapat diterapkan dikalangan komuniti setempat

4.2 Bidang keutamaan program hendaklah memberikan impak seperti berikut:

- a. Meningkatkan pendapatan
- b. Mengurangkan kos sara hidup
- c. Meningkatkan produktiviti
- d. Meningkatkan perlindungan dan keselamatan
- e. Menambah kemudahan
- f. Memupuk kebanggaan negara

Contoh-contoh keutamaan impak program

Memberikan penjelasan mengenai keperluan untuk mengadakan program tersebut.

Seterusnya nyatakan sumber intelektual / fizikal / tenaga yang dimiliki oleh universiti untuk menyelesaikan permasalahan komuniti tersebut.

5.0 JUSTIFIKASI

5.1 Program seumpama ini, perlu diadakan memandangkan kepentingan menjaga sumber alam sungai ini amat penting untuk diterapkan kepada komuniti masyarakat setempat. Disamping itu, program ini juga boleh membantu komuniti setempat dalam mengindahkan ruang landskap di sepanjang sungai ini. Program ini dijangka mampu memperbaiki kualiti hidup komuniti setempat melalui pemeliharaan sungai secara mampan.

5.2 Bagi menyokong keprihatinan masyarakat setempat dan kumpulan pencinta alam ini, Kepakaran daripada Fakulti Rekabentuk dan Senibina bekerjasama dengan kumpulan Malaysia River Lovers, Malaysia Nature Society (Pahang) beserta komuniti penduduk setempat seperti JKKK Kampung Selamat, Kampung Tanjung Api, Kampung Kubang Buaya dan Kampung Galing Kecil akan melaksanakan program pengindahan dan rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil ini. Kerjasama ini juga akan dibantu oleh agensi kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (Pahang), Majlis Perbandaran Kuantan dan Jabatan Alam Sekitar (Pahang).

Disarankan maksima setahun

6.0 TEMPOH, TEMPAT DAN CARTA PERBATUAN PROGRAM

6.1 Tempoh : 15 Februari 2015-15 Februari 2016

6.2 Tempat : Sungai Galing Kecil, Kuantan, Pahang
(300km dari UPM)

Jika lebih dari radius 100km bg justifikasi

Justifikasi jika lebih dari radius 100km: Pemilihan lokasi ini kerana ia merupakan lokasi yang strategi menjadi pilot projek yang akan memberi impak yang terbaik kepada komuniti setempat dari segi ekonomi dan kesejahteraan hidup.

6.3 Carta perbatuan :

Bulan \ Perkara	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3	Bulan 4	Bulan 5	Bulan 6
1....						

7.0 SENARAI PAKAR

Berikan maklumat lengkap mengenai setiap pakar yang dicadang:

Penceramah / Pakar	Jawatan	Fakulti	Bidang Kepakaran	Kejayaan lalu
Dr. Mohd Johari Mohd Yusof	•	•	•	•
Dr. Shamsul Abu Bakar	•	•	•	•
Prof. Madya LAr. Dr. Nordin Abdul Rahman	•	•	•	•
Prof. Madya LAr. Dr. Osman Mohd Tahir	•	•	•	•
Tuan Haji Abdul Rahim Rashid	•	•	•	•

• **Maklumat kepakaran**

8.0 KUMPULAN SASARAN

Nyatakan kumpulan sasaran daripada

Berikan justifikasi pemilihan komuniti

Kumpulan sasaran yang akan terlibat dalam program ini adalah terdiri daripada:

Bir.	Kumpulan Sasaran	Justifikasi pemilihan
1.	Komuniti Kampung Selamat, Kampung Tanjung Api, Kampung Kuang Buaya dan Kampung Galing Kecil	Telah memberi kerjasama dan sokongan yang tinggi dalam pengindahan.....sambungan
2.	Agensi-Pegawai Majlis Perbandaran Kuantan Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran, Pahang Pegawai Jabatan Alam	Mempunyai kepakaran yang boleh digunakan dan dikongsi kepada komuniti / pelajar.....sambungan

	Sekitar, Pahang Malaysia Nature Society, Pahang Malaysia River Lovers	
3.	Pakar Universiti Putra Malaysia; Pelajar-pelajar Master Senibina Landskap, UPM	Memberi manfaat praktikal dan kemahiran kepada pelajar untuk ke lapangan.....sambungan

Peserta yang dinyatakan seperti di atas dapat membantu dan bekerjasama dalam pelaksanaan program ini kerana mereka mempunyai peranan masing-masing dalam setiap program yang bakal dilaksanakan bagi kerja pemeliharaan dan pengindahan Sungai Galing Kecil

9.0 SENARAI KETUA, AHLI PROGRAM SERTA SENARAI TUGAS

9.1 Sediakan senarai nama penuh ketua dan ahli projek berserta jawatan yang disandang serta peranan.

Bil	Nama	Jawatan (dalam program)	Peranan	Emel	Telefon
1.	Dr. Mohd Johari Mohd Yusof	Ketua Projek	Bertanggung jawab dalam pelaksanaan dan pemantauan projek	johari@ upm.ed u.my	012- 9643191
2.	Prof. Madya LAr. Dr. Nordin Abdul Rahman (UPM)	Ahli	Bertanggung jawab membantu dalam pelaksanaan dan pemantauan projek	nordin @upm. edu.my	014- 9643191
3.	Dr. Shamsul Abu Bakar (UPM)	Ahli	Bertanggung jawab dalam melancarkan	shamsu l@upm. edu.my	013- 9643191

			gerakan operasi projek		
4.	Dato' Ir. Mukhlis Chua	Ahli	Bertanggung jawab dalam melancarkan gerakan operasi projek	chua@gmail.com	019-9643191
5.	Tuan Haji Azmi	Ahli	Bertanggung jawab dalam melancarkan gerakan operasi projek	azmi@yahoo.com	011-9643191
6.	Tuan Haji Rashid	Ahli	Bertanggung jawab dalam melancarkan gerakan operasi projek	rashid@mpk.gov.my	010-9643191

10.0 ANGGARAN KEWANGAN

10.1 Nyatakan secara terperinci anggaran perbelanjaan program beserta kos perbandingan dengan kaedah konvensional.

Perbelanjaan Program			Kos Konvensional	
Bil	Perkara	Jumlah	Perkara	Jumlah
	<u>Pengangkutan</u> - Lawatan tapak dan local communities participation - Pembentangan pelan induk - Pembentangan akhir Aktiviti pengindahan	3,000.00	<u>Pengangkutan</u> - Lawatan tapak dan local communities participation - Pembentangan pelan induk - Pembentangan akhir Aktiviti pengindahan	20,0000
	<u>Penginapan</u> - Program 'local communities participation' dan lawatan tapak - Pembentangan penyediaan	1800.00	<u>Penginapan</u> - Program 'local communities participation' dan lawatan tapak - Pembentangan penyediaan cadangan	40,000.00
		1800.00		1800.00

	cadangan rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil, Kuantan	1080.00	rekabentuk landskap di sepanjang Sungai Galing Kecil, Kuantan	11000.00
	- Program pengindahan dan pembersihan Sungai Galing Kecil, Kuantan	1800.00	- Program pengindahan dan pembersihan Sungai Galing Kecil, Kuantan	14800.00
	Klinik penyelenggaraan tanaman Sungai Galing Kecil		Klinik penyelenggaraan tanaman Sungai Galing Kecil	
	<u>Peralatan dan Percetakan Pelan</u>		<u>Peralatan dan Percetakan Pelan</u>	
	- Penyediaan pelan inventori dan analisis	2,500.00	- Penyediaan pelan inventori dan analisis	10,500.00
	- Penyediaan pelan induk	5,000.00	- Penyediaan pelan induk	15,000.00
	- Peralatan praktikal penanaman kebun komuniti	5,000.00	- Peralatan praktikal penanaman kebun komuniti	10,000.00
	- Peralatan penyelenggaraan tanaman	3,000.00	- Peralatan penyelenggaraan tanaman	6,000.00
	<u>Peralatan dan Bahan Program Pengindahan</u>		<u>Peralatan dan Bahan Program Pengindahan</u>	
	- Tanaman landskap lembut	25,000.00	- Tanaman landskap lembut	25,000.00
	- Bahan binaan landskap kejur	40,000.00	- Bahan binaan landskap kejur	90,000.00
	- Bahan tanaman kebun komuniti	20,000.00	- Bahan tanaman kebun komuniti	60,000.00
	- Tanaman pokok bakau dan pokok nipah	25,000.00	- Tanaman pokok bakau dan pokok nipah	55,000.00
	Jumlah keseluruhan	RM 134,980.00		RM 539,100.00

- Perkara/item perbelanjaan boleh berbeza antara kos konvensional dengan perbelanjaan sekiranya dibuat oleh UPM/universiti

- Perlu ada perbezaan kos perbelanjaan program dengan kos konvensional.
- Sekiranya UPM yang jalankan kos lebih jimat dan memberi impak
- Kos konvensional adalah anggaran sekiranya pihak swasta yang menjalankan projek

11.0 KELESTARIAN

Selepas program ini berjaya diadakan, program yang sama boleh digunakan ditempat-tempat lain yang memberi impak kepada.....

12.0 PENUTUP

Nyatakan kesinambungan program selepas tamat dan kesesuaian program dilaksanakan di tempat lain

Adalah diharapkan agar permohonan ini mendapatkan pertimbangan dan sumbangan kewangan daripada Dana *University Community Transformation Centre* (UCTC).

13.0 TANDATANGAN

Sila sediakan ruang tandatangan nama penuh serta jawatan ketua program, disemak oleh pegawai UCTC, diperakukan oleh Pengarah UCTC di peringkat universiti masing-masing.

Disediakan oleh: (Ketua Projek)
Disemak oleh : (Pegawai UCTC)
Diperakukan oleh : (Pengarah UCTC)